


1. Apakah tujuan isi rumah membuat pilihan?

- A Menyesuaikan pendapatan dan perbelanjaan
- B Mencapai tahap kepuasan maksimum
- C Mengurangkan masalah pembaziran
- D Memenuhi kehendak ahli keluarga

2. Pasangan manakah yang betul tentang faktor pengeluaran?

Keterangan	Faktor pengeluaran
A Individu yang menggabungkan sumber ekonomi untuk menghasilkan output	Buruh
B Alat ciptaan manusia dan penawarannya tidak terhad	Modal
C Orang yang memberi sumbangan sama ada dalam bentuk fizikal dan mental dalam pengeluaran	Usahawan
D Suatu anugerah semulajadi yang tidak dapat ditambah penawarannya	Tanah

3. Rajah di bawah menunjukkan satu Keluk Kemungkinan Pengeluaran.



Keadaan yang manakah berkaitan dengan titik K?

- A Terdapat buruh yang tidak bekerja
- B Kombinasi yang tidak berupaya dicapai
- C Tahap pengeluaran pada guna tenaga penuh
- D Barang B lebih banyak dikeluarkan oleh firma


4. Mengapakah kerajaan campur tangan dalam ekonomi?
- Membuat pengeluaran barang ekonomi dan barang awam
 - Meningkatkan kebijakan firma kecil tempatan
 - Merapatkan jurang pendapatan masyarakat
 - Mewujudkan monopoli barang penting
5. Maklumat berikut adalah berkaitan dengan ciri sebuah sistem ekonomi.

Firma bebas bersaing dan mengaut keuntungan tanpa kawalan kerajaan.

Bagaimanakah sistem ekonomi negara di atas menyelesaikan masalah asas ekonominya?

- Jenis barang ditentukan oleh badan pemerintah
 - Kuantiti barang dikawal melalui cukai dan subsidi
 - Kaedah yang meminimumkan kos pengeluaran digunakan
 - Agihan barang berdasarkan corak agihan pendapatan masyarakat
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

6. Rajah di bawah menunjukkan peralihan keluk permintaan tiket bas.




Mengapakah berlaku perubahan keluk D_0D_0 kepada D_1D_1 ?

- Kempen besar-besaran penggunaan pengangkutan awam
- Firma menawarkan harga perkhidmatan yang murah
- Subsidi petrol dipertingkatkan kepada pengusaha
- Perkhidmatan yang ditawar berteknologi tinggi

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

7. Rajah berikut berkaitan dengan penawaran durian Musang King.



Apakah penentu yang menyebabkan peralihan keluk tersebut?

- A Harga faktor pengeluaran meningkat
- B Terdapat potongan harga yang tinggi
- C Matlamat firma memaksimumkan kebijakan
- D Penggunaan anak benih pokok yang cepat berbuah

8. Pasangan manakah yang betul?

	Perubahan Permintaan	Perubahan dalam kuantiti diminta
A	Berlaku pergerakan titik di sepanjang keluk permintaan	Berlaku peralihan keluk permintaan ke kanan atau ke kiri
B	Melibatkan dua keluk permintaan	Melibatkan satu keluk permintaan
C	Harga berubah	Harga tetap
D	Penentu adalah harga barang itu sendiri	Penentu adalah harga barang lain

9. Jadual di bawah menunjukkan harga dan kuantiti permintaan bagi suatu barang.

Harga (RM)	20	25
Kuantiti diminta (unit)	100	70

Berapakah nilai pekali keanjalan harga permintaan barang tersebut apabila harga naik?

- A 0.03
- B 0.83
- C 1.20
- D 3.00

10. Permintaan sesuatu barang cenderung menjadi tidak anjal jika

- A ada banyak pengganti
- B mempunyai pelbagai kegunaan
- C kurang firma yang mengeluarkan
- D melibatkan ketagihan yang tinggi

11. Maklumat berikut berkaitan fungsi wang.

Encik Rosdin bercadang membeli sebuah motosikal yang berharga RM5 000. Walau bagaimana pun, kedai yang menjual motosikal tersebut tidak menerima bayaran secara ansuran menyebabkan beliau terpaksa menggunakan tabungannya.

Apakah fungsi wang yang terdapat di dalam maklumat di atas?

- I Alat ukuran nilai
 - II Alat simpanan nilai
 - III Alat bayaran tertunda
 - IV Alat perantaraan pertukaran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

12. Bagaimanakah bank pusat bertindak sebagai jurubank kepada kerajaan?


- A memberi nasihat pelaburan
- B menstabilkan nilai mata wang
- C menjadi sumber pinjaman terakhir
- D menetapkan kadar rizab berkanun

[Lihat halaman sebelah
SULIT

13. Apakah kelebihan menggunakan akaun tabungan?

- A Mendapat kadar faedah yang tinggi
- B Menikmati kemudahan perbankan internet
- C Mempunyai kemudahan menggunakan cek
- D Mampu mengeluarkan wang melebihi baki

14. Maklumat berikut berkaitan sejenis pinjaman.



Jenis pinjaman yang manakah sesuai digunakan?

- A Penggunaan kad kredit
- B Permohonan overdraf
- C Pinjaman bercagar
- D Pinjaman peribadi

15. Pilih pernyataan yang betul berkaitan draf bank.

- A digunakan untuk melanggan saham baru.
- B ditawarkan kepada pemegang akaun semasa
- C dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia apabila diminta
- D diberikan kadar faedah yang tinggi apabila menggunakannya

16. Situasi yang manakah berkaitan dengan bayaran pindahan?

- A Cik Raisya menerima bayaran hasil daripada paparan wajahnya di papan iklan gergasi.
- B Encik Faiz menerima pendapatan daripada saham amanah yang dibeli lama dahulu.
- C Puan Nur Amina memperoleh wang tunai hadiah khidmat cemerlang.
- D Encil Rizal mendapat tajaan melanjutkan pengajian di luar negara.

17. Kerajaan mengenakan cukai dengan tujuan untuk

- A merapatkan jurang pendapatan antara firma
- B menyediakan barang dan perkhidmatan awam
- C menambah hasil syarikat kurang berdaya maju
- D membangunkan ekonomi penduduk setempat

18. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis kos pengeluaran.

- Tidak perlu ditanggung apabila tiada keluaran
- Perubahan dalam keluaran akan mempengaruhi kos ini

Antara berikut, tindakan yang manakah merupakan contoh kos tersebut?

- A Pembiayaan jentera dan mesin
- B Pembelian premium insurans kilang
- C Perbelanjaan terhadap upah buruh
- D Pembayaran sewa bulanan premis


19. Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran sebuah firma.

Output	1500 unit
Harga jualan seunit	RM15
Kos purata	RM10

Berapakah untung firma tersebut?

- A RM1 525
- B RM7 500
- C RM15 000
- D RM 22 500

20. Maklumat berikut berkaitan sejenis sistem pengangkutan moden di Malaysia.



Apakah faedah sosial yang terlibat apabila sistem tersebut digunakan?

- A Pengeluar dapat menambahkan keuntungan
- B Pengguna lebih cepat sampai ke tempat tujuan
- C Perniagaan makanan berkembang di kawasan stesen.
- D Pihak kerajaan dapat mengutip hasil yang lebih tinggi

21. Berikut adalah satu ciri pasaran dalam ekonomi

Tiada kebebasan firma keluar masuk industri

Apakah ciri lain pasaran tersebut?

- A Bilangan penggunanya adalah ramai
- B Melibatkan pengeluaran barang penting
- C Harga berdasarkan mekanisme pasaran
- D Keluaran mempunyai banyak pengganti

22. Antara yang berikut, situasi yang manakah berkait dengan objektif makroekonomi?

- I Memacu pertumbuhan ekonomi dalam negara
 - II Meningkatkan taraf hidup dan kebajikan rakyat
 - III Mengawal firma yang terlibat dengan eksternaliti negatif
 - IV Memastikan kadar pengangguran kurang dari empat peratus
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

SULIT

23. Antara yang berikut, manakah yang betul tentang eksternaliti negatif?

- I Kesan yang ditanggung oleh pengguna
 - II Tidak dimasukkan ke dalam harga pasaran
 - III Merupakan kos sebenar yang ditanggung oleh masyarakat
 - IV Penggunaan kereta elektrik menyebabkan kos sosial tinggi
- A I dan II
 - B I dan IIIV
 - C II dan III
 - D III dan IV

24. Maklumat berikut berkaitan dengan satu peranan kerajaan.

Kerajaan perkenal MySTEP tawar 50,000 peluang kerja

Apakah kesan daripada peranan kerajaan tersebut?

- A Perbelanjaan kerajaan bertambah
- B Kos pengeluaran firma bertambah
- C Kebajikan pihak swasta meningkat
- D Penawaran barang dalam pasaran meningkat

25. Pilih pernyataan yang betul berkaitan pengangguran berstruktur.

- A Melibatkan jangka pendek
- B Berlaku dalam kalangan graduan
- C Wujud apabila keadaan ekonomi lembab
- D Buruh kekurangan mobiliti dari segi kemahiran

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

26. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis cukai.



Pernyataan yang manakah betul berkaitan cukai tersebut?

- A Merupakan hasil kerajaan dari cukai langsung
- B Semakin tinggi pendapatan semakin tinggi kadar cukai
- C Golongan berpendapatan rendah menanggung beban yang besar
- D Dibayar oleh individu yang mempunyai sejumlah tertentu pendapatan

27. Pilih pasangan yang betul.

	Butiran	Keterangan
A	Emolumen	Gaji kakitangan awam dan swasta yang masih berkhidmat
B	Bekalan dan perkhidmatan	Perbelanjaan keraian pegawai kerajaan
C	Bayaran khidmat hutang	Bayaran balik pokok dan faedah secara sekaligus untuk menjelaskan hutang negara
D	Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri	Diberikan secara sama rata kepada setiap kerajaan negeri

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm
Ekonomi K1 Pahang 2023

28. Apakah tindakan yang dilakukan oleh Bank Pusat apabila berlakunya kemelesetan?

	Kadar Rizab berkanun	Syarat sewa beli	Kadar Faedah
A	Diturunkan	Diketatkan	Dinaikkan
B	Diturunkan	Dilonggarkan	Diturunkan
C	Dinaikkan	Dilonggarkan	Dinaikkan
D	Dinaikkan	Diketatkan	Diturunkan

29. Situasi yang manakah menunjukkan risiko bagi syarikat multinasional?

- A Budaya dan bahasa berbeza di dalam negara
- B Berlaku perubahan parti politik di negara asal
- C Menerima bantahan daripada masyarakat tempatan
- D Mengalirkan sebahagian besar keuntungan kepada firma induk

30. Antara berikut, pilih cara yang digunakan untuk membuat pelaburan langsung asing.

- I Membina kemudahan pengeluaran di negara sendiri
 - II Mengadakan usaha sama dengan syarikat tempatan
 - III Membuka anak syarikat yang berdaya maju
 - IV Membuat pengambilalihan syarikat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

31. Pilih pasangan yang betul.

A	Eksport Nampak	Malaysia memperoleh tepung gandum dari India
B	Import Nampak	Australia menghantar epal berkualiti ke Malaysia
C	Eksport tak Nampak	Pelajar Malaysia diterima oleh Universiti Singapura
D	Import tak Nampak	Kerajaan Brunei menggunakan pakar ekonomi dari Malaysia

[Lihat halaman sebelah

SULIT

32. Pilih pernyataan yang betul berkaitan kepentingan perdagangan antarabangsa.

- A Memperoleh barang yang dikeluarkan di dalam negara
- B Menggalakkan penggunaan barang import
- C Meningkatkan kos pengeluaran firma
- D Memudahkan mobiliti tenaga buruh

33. Tindakan yang manakah dapat melindungi industri muda tempatan?

- A Menghapuskan pengenaan levi
- B Melonggarkan syarat memperoleh visa
- C Memperluaskan kawasan zon industri bebas cukai
- D Meningkatkan usaha penyelidikan dan pembangunan

34. Bagaimanakah defisit akaun semasa dapat diperbaiki?

- A Membina lebih banyak hospital dan poliklinik awam
- B Menghantar lebih ramai pelajar cemerlang ke luar negara
- C Memperluaskan kutipan cukai langsung dan tidak langsung
- D Meningkatkan insentif terhadap pengusaha produk pelancongan tempatan

35. Maklumat berikut berkaitan kadar pertukaran asing dalam negara.

1 Jan 2023 USD 1 = RM 4.65

1 Jun 2023 USD 1 = RM 4.69

Sumber :www.anm.gov.my

Apakah kesan maklumat tersebut terhadap ekonomi?

- I Berlaku inflasi diimport
 - II Harga eksport menjadi murah
 - III Imbangan dagangan bertambah buruk
 - IV Nilai Ringgit Malaysia mengalami kejatuhan
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Pilihan jawapan bagi Soalan 35 hingga Soalan 40 berdasarkan jadual berikut.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

36. I Dalam Sistem Ekonomi Campuran sumber dimiliki oleh pihak swasta dan kerajaan.
 II Pihak swasta bersama kerajaan mengeluarkan barang ekonomi dan barang awam untuk memaksimumkan kebajikan rakyat.
37. I Barang pengganti adalah barang yang digunakan bersama dan memberi kepuasan yang sama.
 II Contoh barang pengganti adalah baju kemeja dan seluar.
38. I Simpanan wajib bank perdagangan di Bank Pusat dikenali sebagai rizab berkanun.
 II Semakin tinggi rizab berkanun semakin kurang keupayaan bank mencipta kredit.
39. I Pengangguran geseran berlaku akibat keadaan ekonomi yang lembab.
 II Pengangguran geseran bersifat jangka panjang.
40. I Cukai terhadap barang yang diimport dari luar negara dikenali sebagai duti eksais.
 II Duti eksais menyebabkan harga barang menjadi lebih tinggi.

KERTAS SOALAN TAMAT